

Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI

www.kosmo.com.my

RABU 14 FEBRUARI 2018

RM1 BIL: 144 TAHUN 13 PP13809/08/2012 (030437)

Sofi Jikan mengaku tidak bersalah ambil ganja »8



Pelajar maut terkena bilah traktor mesin rumput

SEORANG pelajar perempuan tingkatan dua Sekolah Menengah Kebangsaan Tuanku Abd. Rahman, Gemas, Negeri Sembilan menemui ajal selepas kepalanya terbelah dua akibat terkena bilah traktor mesin rumput ketika menjalani latihan kawad di padang sekolah itu semalam.

Ketua Polis Daerah Tampin, Superintendan Hamzah Ab. Razak berkata, Nur Afini Roslan, 14, (gambar) maut terkena bilah traktor pisau mesin rumput di padang itu tercabut ketika



kerja-kerja memotong rumput dilakukan dan melantun ke arah mangsa dan seorang lagi rakannya. Difahamkan jarak di antara traktor mesin rumput itu dan mangsa semasa kejadian ialah lima meter.

"Berikutan itu, kita telah menahan seorang pemandu traktor berusia 26 tahun bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 304 Kanun Keseksaan," katanya ketika dihubungi Kosmo! semalam.

» LAPORAN DI MUKA 2



INILAH traktor mesin rumput yang digunakan di padang Sekolah Menengah Kebangsaan Tuanku Abd. Rahman.

NUR AFINI meninggal dunia selepas kepalanya terkena bilah traktor mesin rumput di padang Sekolah Menengah Kebangsaan Tuanku Abd. Rahman, Gemas semalam.

Bangunan bersejarah KWSP Petaling Jaya terbakar

- Kebakaran berpunca daripada percikan api yang terkena penebat haba polyfoam mudah terbakar yang dipasang di bangunan itu
- Bagaimanapun, seramai 700 kakitangan KWSP terselamat dalam kebakaran yang berjaya dipadamkan dalam tempoh setengah jam

BANGUNAN Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Cawangan Petaling Jaya, Selangor di Jalan Gasing terbakar semalam selepas penebat haba polyfoam yang dipasang di bangunan tersebut terkena percikan api semasa kerja-kerja mengimpal besi dijalankan di tingkat satu.

Asap tebal daripada kebakaran bangunan itu yang boleh dilihat dari jauh telah menyebabkan kesesakan lalu lintas di Lebuhraya Persekutuan apabila orang ramai memberhentikan



BANGUNAN KWSP terbakar selepas percikan api daripada kerja-kerja mengimpal besi di tingkat satu terkena penebat dinding polyfoam.

kenderaan untuk merakamkan kebakaran tersebut.

Bangunan tersebut yang kini menempatkan Jabatan Teknologi Maklumat KWSP dan Pejabat KWSP Negeri Selangor pernah beroperasi sebagai Ibu Pejabat KWSP selama 35 tahun bermula tahun 1960 hingga 1995.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Datuk Soiman Jahid berkata, kesemua kira-kira 700 kakitangan KWSP terselamat dalam kebakaran yang memusnahkan 40 peratus bangunan berusia 58 tahun itu. Kebakaran yang bermula pada pukul 11.30 pagi itu berjaya dipadamkan setengah jam kemudian.

"Bangunan KWSP ini melanggar Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 kerana menggunakan bahan mudah terbakar," katanya pada sidang akhbar di tempat kejadian.

KWSP merupakan institusi kewangan yang memiliki dana persaraan sebanyak RM759.78 bilion dengan penjarum seramai 17.8 juta orang.

ASAP tebal akibat kebakaran bangunan KWSP di Jalan Gasing, Petaling Jaya menyebabkan Lebuhraya Persekutuan mengalami kesesakan apabila pemandu memberhentikan kenderaan untuk merakam gambar.

» BERITA DI MUKA 3